


DATE : 27 OKTOBER 2023
PUBLICATION : KOSMO
SECTION : BUSINESS
HEADLINE : JANGKAAN PASARAN LEBIH BAIK, MASA SESUAI MELABUR SAHAM
CATEGORY : COMPANY NEWS

Jangkaan pasaran lebih baik, masa sesuai melabur saham

PETALING JAYA – Sekarang dilihat sebagai saat paling sesuai untuk membeli saham ekoran tinjauan pasaran yang dijangka lebih baik, meskipun berdepan pelbagai cabaran seperti pemulihan pandemik, ketegangan geopolitik, ketidakstabilan politik dan pengaruh global luar jangka.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan Kumpulan Capital Dynamics Sdn. Bhd., Tan Teng Boo berkata, pembelian tidak harus dibuat secara tergesa-gesa, sebaliknya boleh dijarakkan dalam tempoh setiap suku tahun (tiga bulan).

Menurut pakar saham dan pelaburan veteran ini, jika pelabur mendapati sesebuah syarikat adalah berpotensi dengan bersandarkan kepada faktor pengurusan, kewangan yang baik, prospek yang cerah, serta mampu memberi pulangan nilai yang baik untuk jangka masa panjang, mereka tidak perlu



TENG BOO memberikan penjelasan panjang lebar berhubung keyakinannya pada pasaran saham tempatan pada sesi bersama media yang diadakan di Petaling Jaya, baru-baru ini.

menunggu lama untuk membeli.

“Bagi kami di icapital.biz Berhad (ICAP), setiap hari kami akan membeli saham.

“Tidak perlu tepat pada masanya ketika berurusan di pasaran. Memilih saham yang betul dan melabur untuk jangka

panjang adalah strategi yang lebih baik,” katanya dalam sesi bersama media di sini, baru-baru ini.

ICAP adalah satu-satunya dana tertutup tersenarai di Malaysia.

Sementara itu, Teng Boo menjelaskan, bagi pelabur yang me-

miliki sumber kewangan mencukupi selepas membuat kiraan pengurusan risiko, namun tidak mengetahui saham mana yang bersesuaian termasuk daripada sektor yang berpotensi, dia boleh memilih ICAP.

Jelasnya, ICAP telah mem-

perkenalkan dasar dividen inovatif untuk secara proaktif mengurangkan perbezaan antara harga saham ICAP dengan nilai aset bersih (NAB), yang mungkin mampu membawa harga sahamnya kembali diniagakan pada premium.

ICAP turut memperkenalkan dasar pelaburan semula dividen yang membolehkan pemegang saham memilih untuk melabur semula dividen mereka dalam saham ICAP yang baharu, tanpa perlu membayar kos transaksi tinggi.

Sehingga kini, jumlah NAB ICAP berada pada RM505.4 juta dengan 140 juta saham terkumpul. Dalam tempoh tiga tahun bermula dari 21 September 2020 hingga 20 September 2023, indeks KLSE mengalami penurunan sebanyak 8.66 peratus manakala NAB dan harga saham ICAP masing-masing naik 34.03 peratus dan 53.53 peratus.